

Headline	Sasar kurang kes HIV		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	30 Dec 2012	Color	Black/white
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	P6	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 552
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,656



## Sasar kurang kes HIV

**KUALA ROMPIN** - Sebanyak 97,385 kes jangkitan HIV dilaporkan sehingga September tahun ini sejak pertama kali dikesan pada 1986.

Adun Tioman, Datuk Kapten (B) Mohd Johari Hussain berkata, sebanyak 18,704 daripada jumlah tersebut terdiri daripada pesakit Aids, manakala 15,506 lagi dilaporkan meninggal dunia disebabkan HIV dan Aids.

Menurutnya, kes penghidap HIV tertinggi pula dilaporkan berlaku pada kadar 2.8 kes baru bagi setiap 100,000 penduduk pada 2002.

"Justeru, kerajaan menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kes baru HIV daripada 21.7 bagi setiap 100,000 setiap penduduk pada 2000 kepada 11 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang 2015," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membaca teks ucapan pada Majlis Sambutan Hari Aids Sedunia Peringkat Rompin di Dewan Serbaguna Felda Selendang, di sini, kelmarin.

Mohd Johari berkata, menerusi langkah pencegahan dilaksanakan kerajaan mulai tahun depan, bilangan kes HIV dijangka menurun kepada 6,756 kes.

"Penurunan ini berlaku secara tetap. Pada tahun lalu saja, sebanyak 3,749 kes baru dikesan dengan kadar 12.2 bagi setiap 100,000 penduduk," katanya.

Beliau berkata, misalnya di Rompin, terdapat sembilan klinik kesihatan dan Hospital Muadzam Shah yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk penduduk mengetahui mengenai HIV/Aids serta pemberian kemudahan saringan secara percuma.

Selain itu katanya, Pejabat Kesihatan Rompin turut melaksanakan aktiviti saringan HIV kepada ibu mengandung di bawah program Pencegahan Transmisi HIV daripada ibu kepada bayi.

"Justeru, saya meminta penduduk menggunakan kemudahan ini untuk mengetahui status kesihatan mereka seterusnya mengambil langkah pencegahan dalam usaha mengawal penularan musuh nombor satu negara.

"Program dilaksanakan secara percuma ini meliputi saringan HIV kepada ibu mengandung, pemberian ubatan ARV kepada ibu dikesan positif HIV serta rawatan profilaksis ARV kepada bayi baru dilahirkan," katanya.